

Leverage Dalam Urus Niaga Mata Wang Asing/ Foreign Exchange (Forex): Satu Analisis Dari Perspektif Syariah¹

MOHD ZAMEREY ABDUL RAZAK

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan tentang konsep leverage, forex dan aplikasinya dari aspek praktikal menggunakan internet dan telefon. Perbincangan menjurus kepada perbahasan hukum tentang penggunaan leverage dalam forex oleh individu menurut pandangan fuqaha yang mengharuskannya dan mengharamkannya.

Leverage in Foreign Exchange Transaction: Analysis From Shariah Perspective

Abstract

This paper discusses on the concept of leverage, forex and its practical applications using internet or telephone. It focuses on the Shariah aspects and argumentations on the issue of the usage of leverage in forex spot by individual from both sides of Shariah scholars that agreed upon it and those who do not.

Pendahuluan

Urus niaga mata wang hari ini telah menjadi aktiviti dan punca rezeki yang menarik minat sebahagian umat Islam. Urus niaga ini perlu diteliti

agar pendapatan mereka menepati Syariah Islam. Kejahilan tentang hukum dalam Urus niaga ini boleh membawa kepada berlakunya riba yang diharamkan oleh Islam. Penukaran mata wang boleh dilakukan dengan menggunakan pelbagai jenis kontrak seperti kontrak pertukaran segera (*spot*),¹ pertukaran masa hadapan (*forwards*),² *swaps*³ dan pembelian hak untuk pertukaran pada masa depan (*options*).

Kertas ini bertujuan untuk mengkaji pandangan syara' dan fiqh Islam terhadap persoalan pertukaran mata wang secara segera (*spot*) yang dijalankan oleh pedagang individu melalui platform-platform yang boleh dilakukan melalui kemudahan internet atau telefon. Tidak termasuk dalam perbincangan ialah pertukaran mata wang yang menggunakan kontrak-kontrak lain seperti *forwards*, *swaps* dan *options* dan juga urus niaga mata wang yang dijalankan melalui bank atau syarikat pertukaran mata wang.

Definisi Urus niaga Mata Wang Asing (Forex)

Perkataan *forex* berasal dari gabungan perkataan Inggeris *foreign exchange*. Ia merupakan pasaran kewangan yang terbesar di dunia. Wikipedia melaporkan urus niaga mata wang asing (*forex*) didagangkan sebanyak nilai niaga harian USD3.2 trilion pada April 2007 dengan pertambahan 41 peratus pada April 2008. Pasarnya dibuka 24 jam pada hari perbankan.¹ Ia boleh didagangkan melalui bank, broker, pengedar yang sah (*dealer*), institusi kewangan dan juga individu. Perdagangan mata wang ini boleh dilaksanakan melalui telefon dan internet.

Kebelakangan ini pedagang-pedagang kecil telah mula memasuki pasaran berbanding dengan dahulu di mana hanya jumlah wang yang besar sahaja didagangkan. Keadaan ini terhasil kerana kemajuan teknologi internet.⁴ Ini merencakkan persaingan dan perkembangan urus niaga mata wang asing.

- 1 http://en.wikipedia.org/wiki/Foreign_exchange_spot_trading, 19 Mac 2009.
- 2 <http://encyclopedia.thefreedictionary.com/spot+rate>, 20 Mac 2009.
- 3 Ibid.
- 4 Ibid.
- 4 Mark Rae, hlm.101.

Urus niaga mata wang asing terbahagi kepada beberapa kategori :

i. **Spot**

Membeli sesuatu mata wang dengan mata wang lain dengan penyerahan segera. Tempoh penyelesaian bayaran (*settlement timeframe*) untuk Urus niaga spot ialah T+2 iaitu selepas dua hari perbankan (*two banking days*).

ii. **Forward**

Persetujuan dua pihak untuk membeli dan menjual pada harga yang diputuskan sekarang tetapi wang tersebut hanya akan diserahkan pada tarikh akan datang.

iii. **Swaps**

Beli dengan harga *spot* dan jual dengan harga *forward* dan dilakukan secara serentak.

iv. **Harga Mata Wang Berdasarkan Masa Urus Niaga:**

a. Harga *spot* (*customary and market practice*)

Harga semasa yang tertera di skrin pasaran mata wang.

b. Harga hari ini (*value today*)

Harga yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak pada hari ini dan penyerahan akan dilakukan dalam tempoh 24 jam. Kebiasaannya penentuan harga ini bukannya harga yang tertera pada skrin urus niaga mata wang.

c. Harga esok (*value tomorrow*)

Harga yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak pada hari ini tetapi penyerahan akan dilakukan esok.

Harga hari ini (*value today*) dan harga esok (*value tomorrow*) hanya diberikan apabila ada permintaan khusus daripada pelanggan. Ia memerlukan pengiraan tertentu sebelum sebut harga tersebut dapat diberikan, manakala harga *spot* dapat diberikan dengan segera kerana ia berdasarkan harga yang tertera di skrin.

Sekali lagi penulis ingin menarik perhatian bahawa tumpuan perbincangan dan kajian ini adalah tentang urus niaga *forex spot* yang dijalankan oleh individu melalui platform sama ada melalui internet atau telefon.

Urus Niaga Forex Spot Oleh Individu

Urus niaga ini dilaksanakan oleh orang perseorangan dengan platform tertentu. Berikut ialah contoh-contoh platform yang menawarkan urus niaga forex:

Traderhouse. Laman sesawang: <http://www.fxmm.com/contact-us.html>

Phillips' Online Electronic Mart System. Laman sesawang: <http://www.poems.com.sg/>

Saxo Bank. Laman sesawang: <https://www2.saxowebtrader.com/>

FXDirectDealer LLC (FXDD). Laman sesawang: <http://fxdd.com>

GAIN Capital - FOREX.com UK Limited ("FOREX.com"). Laman sesawang: <http://forex.com/metatraderuk/>

Alpari (UK) Limited. Laman sesawang: <http://alpari.co.uk>

Forex Capital Markets Limited. Laman sesawang: <http://fxcm.co.uk>

Urus niaga ini terbuka kepada sesiapa sahaja di seluruh dunia. Modal minimum bergantung pada ketetapan yang ditentukan oleh platform terbabit. Pendaftaran perlu dilakukan menerusi laman sesawang platform terbabit dengan penyediaan modal menggunakan kad kredit, *paypal*,⁵ atau pemindahan telegrafik (*telegrafic transfer*). Terdapat juga platform yang mewajibkan pedagang mendaftar secara manual di pejabat mereka. Para pedagang akan diberikan kata laluan dan kod kekunci untuk membolehkan mereka melakukan urus niaga sama ada melalui laman sesawang platform terbabit atau melalui telefon.

Sesetengah negara seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat telah menubuhkan badan tertentu untuk mengawal serta menguatkuasakan peraturan tertentu kepada mana-mana syarikat yang menjadi platform.⁶

Sebelum membincangkan lebih lanjut tentang *leverage*, istilah-istilah berikut perlu difahami.

5 Aplikasi web yang membenarkan transaksi pemindahan wang dibuat secara selamat di antara pihak-pihak yang mengurusniaga di internet.

6 <http://wssfx.com/en/brokers.php>, 4 Jun 2009.

Trading on Margin: Pedagang boleh membeli atau menjual aset yang nilainya lebih besar berbanding dengan modal (*capital*) yang dimiliki dalam akaun.⁷

Spread: Perbezaan harga antara beli dengan jual.⁸

Bid: Harga yang ditawarkan oleh pedagang.⁹

Ask: Harga yang diminta oleh pedagang.¹⁰

Leverage Dalam Forex Spot

Leverage melibatkan peminjaman sejumlah wang yang diperlukan untuk tujuan pelaburan. Dalam kes *forex*, kebiasaannya wang tersebut dipinjamkan oleh platform. Al-Majma' al-Fiqh al-Islami, Rabitah al-Alam al-Islami mendefinisikan *leverage* sebagai:¹¹

(المتاجرة بالهامش)، والتي تعني: (دفع المشتري [العميل] جزءاً يسيراً من قيمة ما يرغب شراءه يسمى [هامشاً] ويقوم الوسيط [مصرفاً أو غيره]، بدفع الباقي على سبيل القرض، على أن تبقى العقود المشتراة لدي الوسيط، رهنا بمبلغ القرض)

Maksud:

Pembeli (pelanggan) membayar sebahagian kecil harga sesuatu yang ingin dibelinya iaitu dinamakan (margin) dan perantara (bank atau sebagainya) bertindak membayar baki atas asas pinjaman, di mana kontrak belian tersebut akan dikekalkan dengan perantara sebagai gadaian terhadap jumlah pinjaman. (Mohd. Zamerey Abdul Razak)

7 <http://www.forextrading.com/articles/HowToTrade.aspx>, 4 Jun 2009. <http://www2.saxobank.com/en/trading-products/forex/pages/forex-trading.aspx>, 4 Jun 2009.

8 <http://www.forextrading.com/articles/HowToTrade.aspx>, 2 Jun 2009. http://www.forexjustice.com/forex_broker.html, 4 Jun 2009.

9 <http://www.forextrading.com/articles/HowToTrade.aspx>, 2 Jun 2009.

10 Ibid.

11 *Resolusi al-Majma' al-Fiqh al-Islami, Rabitah al-Alam al-Islami, Daurah ke-18, Makkah al-Mukarramah, pada 12 April 2006.*

Kemudahan *leverage* ini bertujuan memberi peluang kepada pedagang *forex* mendapatkan keuntungan yang lebih besar. Kebiasaannya nisbah *leverage* yang diberikan adalah seperti 50:1, 100:1, 200:1 dan seterusnya. Ia bergantung kepada kemampuan platform dan jumlah modal (pelaburan) yang dibuat oleh pedagang. Sebagai contoh, 100,000 unit mata wang ialah jumlah yang akan diperdagangkan dan *leverage* yang disediakan untuk para pedagang ialah 100:1. Ini bererti beliau hanya perlu menyediakan 1,000 unit mata wang dengan kemudahan *leverage* 100:1.

Fungsi Leverage Dalam Forex Spot

Kebiasaannya para pedagang individu mempunyai modal yang terhad tetapi perdagangan *forex* memerlukan modal yang besar demi mendapatkan keuntungan yang lebih berbanding dengan modal sebenar yang dimiliki. Oleh yang demikian, para pedagang boleh menggunakan kemudahan *leverage* yang disediakan oleh platform untuk mengurus niaga dalam jumlah yang lebih besar berbanding dengan jumlah wang yang dimilikinya. Sebagai contoh, pedagang hanya mempunyai modal sebanyak USD1000 tetapi dibenarkan mengurus niaga *forex* sehingga USD50,000 dengan kemudahan *leverage* 1:50 atau USD100,000 dengan kemudahan *leverage* 1:100.

Kemudahan *leverage* ini ialah hutang sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini. Namun begitu, hutang ini diikat dengan beberapa syarat tertentu antaranya:

- a. Pedagang disyaratkan mengurus niaga melalui platform iaitu pemberi pinjaman *leverage*.
- b. Platform bertindak sebagai wakil kepada pedagang dan mendapat komisyen dari dagangan tersebut.¹²

Platform juga bertindak sebagai pembeli mata wang yang dijual oleh pedagang. Ini membolehkan platform mendapat keuntungan melalui perbezaan antara harga belian dan jualan.¹³

12 Muhammad Ali al-Qari, *Tijarah al-Hamisy*, kertas kerja yang dibentangkan dalam al-Majma' al-Fiqh al-Islami, Rabitah al-Alam al-Islami, Daurah ke-18, Makkah al-Mukarramah, pada 12 April 2006. hlm. 15.

13 Muhammad Ali al-Qari, hlm. 16. http://www.forexjustice.com/forex_broker.html, 4 Jun 2009.

Senario Urus niaga Mata Wang Asing Melalui Platform

Berikut disertakan dua contoh senario urus niaga mata wang asing antara USD dan EUR:¹⁴

Contoh pertama: Senario harga mata wang sedang menaik (*trading rising prices*). Sekiranya pedagang berkeyakinan EUR akan mengukuh berbanding USD, Pedagang akan membeli EUR dan kemudian menjualnya setelah harga EUR meningkat.

Jadual 1: Senario urusniaga mata wang sedang menaik

Pedagang membeli EUR.	Sebut harga oleh platform: EURUSD_ adalah Bid_0.9875 dan Ask 0.9878. Ini bererti pedagang boleh menjual 1 EUR untuk 0.9875 USD atau beli 1 EUR untuk 0.9878 USD. Contoh ini menunjukkan bahawa pedagang membeli EUR 100,000 pada harga Ask iaitu 0.9878 per EUR.
Pasaran bergerak berdasarkan jangkaan iaitu EUR mengukuh.	Ternyata pasaran menunjukkan pengukuhan EUR dan EURUSD sekarang disebut harga pada Bid 0.9894 dan Ask 0.9896.
Sekarang pedagang jual EUR dan dapatkan keuntungan	Pedagang menjual EUR pada harga Bid 0.9894.
Pengiraan keuntungan adalah seperti berikut:	Harga jualan – harga belian x saiz dagangan (0.9894 tolak 0.9878) didarab dengan 100.000.00 = USD140 keuntungan.

Contoh kedua: Senario ketika harga mata wang menurun (*trading falling prices*). Sekiranya pedagang merasakan senario sebaliknya akan berlaku iaitu EUR akan menyusut berbanding USD, pedagang akan menjual EURUSD.

¹⁴ Mata wang Euro. <http://www.forextrading.com/articles/HowToTrade.aspx>, 2 Jun 2009.

Jadual 2: Senario urusan mata wang sedang menurun

Pedagang menjual EUR.	Sebut harga oleh platform untuk EURUSD adalah harga Bid iaitu 0.9875 dan harga Ask iaitu 0.9880 dan pedagang memutuskan untuk menjual EUR 100,000 pada harga Bid iaitu 0.9875.
Pasaran bergerak menurun seperti yang dijangkakan.	EUR menyusut berbanding USD dan EURUSD sekarang disebut harga pada Bid iaitu 0.9744 dan Ask iaitu 0.9749.
Sekarang pedagang membeli semula EUR.	Pedagang membeli EUR pada harga Ask iaitu 0.9749.
Keuntungan/kerugian jika ada.	Harga jualan – harga belian x saiz dagangan (0.9875 tolak 0.9749) didarab dengan 100,000.00 = USD1260 profit.

Ilustrasi dagangan mata wang di atas adalah dengan mata wang EUR100,000. Perlu diingat, untuk pedagang melakukan urusan niaga atau dagangan ini mereka tidak semestinya memiliki EUR100,000 tersebut. Ini memadai dengan margin dua peratus di mana pedagang hanya perlu menandatangani 2 peratus daripada EUR100,000 iaitu EUR2,000 sahaja. Seterusnya pedagang akan diberi kemudahan *leverage* oleh platform 2:100.

Pengesahan bayaran jual beli mata wang ini dapat dipastikan melalui penyata akaun pedagang yang disediakan oleh platform.

Hukum Urus Niaga Mata Wang

Ulama kontemporari menyandarkan kepada beberapa hadis Nabi SAW sebagai hujah dalam menentukan syarat-syarat sah sesuatu urusan niaga mata wang. Antara hadis tersebut ialah:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ: «لَا تَبِيعُوا الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ، وَلَا تُشَفُّوا بَعْضُهَا عَلَى بَعْضٍ، وَلَا تَبِيعُوا الْوَرَقَ بِالْوَرَقِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ، وَلَا تُشَفُّوا بَعْضُهَا عَلَى بَعْضٍ، وَلَا تَبِيعُوا مِنْهَا غَائِبًا بِنَاجِزٍ»¹⁵

Maksud:

Dari Abu Sa'id al-Khudri r.a bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: "Jangan kamu menjual emas dengan emas kecuali jumlah (timbangan) yang serupa (dijual) dengan jumlah yang serupa, dan jangan kamu lebihkan salah satu daripadanya berbanding dengan yang satu lagi, dan jangan kamu menjual perak dengan perak kecuali jumlah (timbangan) yang serupa dengan jumlah yang serupa, dan jangan kamu lebihkan salah satu daripadanya berbanding dengan yang satu lagi, dan jangan kamu menjualnya dalam keadaan salah satu (barang tukaran itu) tiada (pada majlis akad) dan salah satu lagi diserahkan segera." (Mohd. Zamerey Abdul Razak)

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : "الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمَلْحُ بِالْمَلْحِ مِثْلًا بِمِثْلٍ يَدًا بِيَدٍ فَمَنْ زَادَ أَوْ اسْتَزَادَ فَقَدْ أَرَبَى الْأَخِذَ وَالْمَعْطَى فِيهِ سَوَاءٌ"¹⁶

Maksud:

Dari Abu Sa'id al-Khudri r.a. bahawa dia telah berkata, Rasulullah SAW telah bersabda: "Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma,

15 *Sahih al-Bukhari*, Bab Bay' al-Fiddhah bi al-fiddhah, jld. 2 hlm. 761, hadis no.2068.

16 *Sahih Muslim*, Bab al-sarf wa bay' al-zahab bi al-wariq naqdan, jld.5, hlm. 44, hadis no.4148.

dan garam dengan garam (hendaklah ditukar atau dijual beli) dengan keadaan kedua-duanya sama jumlahnya, dan (saling serah-menyerah) tangan ke tangan, jadi barang siapa yang menambah atau meminta tambah maka dia telah membuat riba, yang mengambil dan yang memberinya adalah sama.” (Mohd Zamerey Abdul Razak)

Al-Majma' al-Fiqh al-Islami, Rabitah al-Alam al-Islami, dalam resolusinya memutuskan 'illah pengharaman *riba al-fadhl dan al-nasa'* dalam emas dan perak ialah *الشمنية مطلق* (sifatnya sebagai harga), dan wang kertas hari ini telah menjadi sesuatu yang mempunyai nilai dan dijadikan harga dalam pertukaran seperti nilai emas dan perak. Berdasarkan keadaan ini maka wang kertas yang diterima pakai hari ini adalah berdasarkan hukum emas dan perak dari segi pengharaman *riba al-fadhl dan al-nasa'*.¹⁷

Ulama kontemporari berbeza pandangan dalam menentukan hukum berniaga mata wang. Secara umumnya mereka mengharuskan urus niaga ini dengan syarat-syarat berikut:¹⁸

- a. Sempurna *qabd* dalam majlis akad sama ada secara hakiki atau *hukmi*,
- b. hendaklah sama nilai kedua-dua tukaran sekiranya dari mata wang yang sama,
- c. tidak dibenarkan *khiyar syarat*, dan
- d. tidak bertujuan untuk *ibtikar* atau menyebabkan kemudaratan kepada individu atau masyarakat.

Takhrif Fiqhi Tentang Leverage

Keadaan ini boleh diringkaskan seperti berikut:

- a. Pinjaman yang diberikan oleh platform kepada pedagang merupakan pinjaman tanpa faedah.

17 Resolusi al-Majma' al-Fiqh al-Islami, Rabitah al-Alam al-Islami, Daurah Ke-3, Amman, Jordan dari 11-16 Oktober 1986. Resolusi Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-3, di Jakarta dari 25-26 Mei 2009.

18 Resolusi Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali, Daurah Ke-7, di Jeddah 1412H, *al-Ma'ayir al-Syar'iyyah lil Muasasaat al-Islamiyah*, hlm. 4-7.

- b. Platform mensyaratkan pedagang menggunakan perkhidmatannya apabila membuat urusan jual beli mata wang. Ini bererti platform bertindak sebagai broker yang dibayar upah kepada pedagang.
- c. Pedagang ialah peminjam. Ini seolah-olah platform akan memberikan pinjaman pada waktu yang sama pedagang (peminjam) mesti menggunakan khidmat platform sebagai broker.
- d. Barang (*subject matter*) ialah pinjaman yang diberikan oleh pemberi pinjam dan pinjaman yang akan dibayar balik oleh peminjam.
- e. Pinjaman ialah pemindahan milik dari pemberi pinjam kepada peminjam tetapi dalam senario ini, peminjam tidak boleh bertasarraf mengikut kemahuannya tetapi mestilah untuk tujuan-tujuan tertentu sahaja iaitu untuk urus niaga mata wang sahaja.
- d. *Al-'aqidan* dalam urus niaga ini ialah pedagang dan platform. Pedagang hanya berurusan dengan platform sama ada menjual atau membeli sesuatu mata wang.

Hukum Leverage

Berasaskan kajian dan penelitian di atas, *leverage* dalam urus niaga *forex* menghasilkan senario berikut:

- a. Mensyaratkan jual beli dan *ijarah* dalam pemberian pinjaman (*leverage*).
- b. Kemudahan leverage sebagai barang gadaian yang disimpan oleh pemberi gadai dan digunakan olehnya.
- c. Tidak berlaku *qabd syar'i* atas jumlah mata wang yang dipinjamkan kepada pedagang melalui kemudahan *leverage*
- d. Situasi *cross over night*. Situasi ini berlaku apabila pedagang tidak menjual mata wang yang dibeli pada hari yang sama. Jika keadaan ini berlaku platform akan mengenakan bayaran tertentu yang dinamakan *cross over night charge*.¹⁹

19 Muhammad Ali al-Qari, hlm. 16.

- e. Syarat yang ditetapkan oleh platform yang mewajibkan pedagang berurus niaga melaluinya.

Terdapat dua pandangan yang berbeza dalam memutuskan hukum *leverage* dalam urus niaga forex, berikut pandangan dan ulasan para ulama kontemporari:

Pandangan pertama: Mengharamkan *leverage* sepertimana yang dijelaskan di atas.²⁰

Hujah mereka adalah seperti berikut:

- a. Mewajibkan pedagang berurus niaga melaluinya. termasuk dalam kategori الجمع بين سلف ومعاوضة (السمسرة). Ini termasuk dalam larangan Nabi Muhammad SAW: لا يحل²¹ سلف وبيع سلف.
- b. Riba: Apabila berlaku situasi *cross over night*.
- c. Urus niaga *forex* umumnya tidak berlaku *qabd syar'ie*.
- d. Kemudaratan ekonomi kepada pihak-pihak yang berurusan khususnya pedagang dan masyarakat umumnya.²²
- e. Pedagang menjual sesuatu yang tidak dimiliki.
- f. Urus niaga berdasarkan pergerakan harga yang menyerupai *qimar*.
- g. Melibatkan *al-ihthikar* (monopoli) dan *al-najash*. Kedua-duanya dilarang oleh Nabi SAW sebagaimana nas berikut:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ

20 Resolusi al-Majma' al-fiqh al-Islami, Rabitah al-Alam al-Islami, Daurah ke 18, Makkah al-Mukarramah, pada 12 April 2006. Muhammad Uthman Syibir, *al-Mutajarah bil hamisy wa al-Ahkam al-Muta'aliqah biha fi al-Fiqh al-Islami*, kertas kerja yang dibentangkan dalam al-Majma' al-Fiqh al-Islami, Rabitah al-Alam al-Islami, Daurah ke -18, Makkah al-Mukarramah, pada 12 April 2006, hlm.53-54. *al-Ma'ayir al-Syar'iyyah lil Muasasaat al-Islamiyah*, hlm.7.

21 *Sunan al-Tirmizi*, Kitab al-Buyu', bab ba'y ma laisa `indak, jld. 2, hlm. 535, hadis no. 1234,

22 Resolusi al-Majma' al-fiqh al-Islami, Daurah ke-18.

وَسَلَّمَ عَنْ النَّجْشِ.²³

Maksud:

Dari Ibn Umar r.a berkata: “Rasulullah SAW melarang daripada *al-najash* (spekulasi)”. (Mohd. Zamerey Abdul Razak)

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ اِحْتَكَرَ فَهُوَ خَاطِئٌ. فِي رِوَايَةٍ : (لَا يَحْتَكِرُ إِلَّا خَاطِئٌ)²⁴.

Maksud:

Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa yang melakukan *ihtikar*, maka dia adalah bersalah. Dalam riwayat lain: Tidak akan melakukan *ihtikar* kecuali dia bersalah”. (Mohd. Zamerey Abdul Razak)

Imam al-Nawawi menjelaskan hadis ini memberi maksud yang jelas bahawa *ihtikar* adalah perbuatan yang haram²⁵.

Pandangan Kedua: Mengharuskan *leverage* dengan syarat-syarat berikut:²⁶

- a. Jual beli dilakukan pada hari yang sama.
- b. Upah atau komisyen kepada platform tidak boleh melebihi *ujrah al-mithl*.

Hujah mereka adalah seperti berikut:

- a. Menghimpunkan *al-bay'* dan *al-salaf* tidak menyebabkan akad tersebut *fusid* kecuali terdapat keadaan-keadaan yang memberi kepentingan tertentu kepada salah satu pihak yang berkontrak (المحاباه).

23 *Sahih al-Bukhari*, kitab al-Buyu', bab al-najash wa man qala la yajuzu zalika al-ba'y, jld. 2, hlm. 753, hadis no. 2035.

24 *Sahih Muslim*, kitab al-musaqat, bab tahrim al-*ihtikar* fi al-aqwat, jld. 5, hlm. 56, hadis no. 4206.

25 Ibid, jld.11, hlm. 219.

26 Muhammad Ali al-Qari, hlm. 18 dan 31.

- b. Keadaan jual beli di pasaran ini (*forex market*) tidak mewujudkan kepentingan tertentu kepada salah satu pihak yang berkontrak
- c. Qabd terlaksana dalam kontrak ini ialah *qabd al-hukmi* dengan adanya pelbagai urusan dan mekanisme tambahan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa,
- d. Kemudahan *leverage* bukanlah pinjaman tetapi *iltizam bi al-qard* oleh pihak platform kepada para pedagang. Ia dianggap pinjaman jika pedagang menggunakannya. Pinjaman ini tidak melibatkan faedah.
- e. Urus niaga melalui platform terbahagi kepada dua jenis, pertama tidak melibatkan *cross over night* dan kedua melibatkan *cross over night*. Kaedah pertama adalah diharuskan manakala kaedah kedua adalah tidak harus kerana ia melibatkan *cross over night charge* yang merupakan faedah atas pinjaman.

Penutup

Berasaskan kajian dan penelitian di atas, *leverage* dalam urus niaga *forex* menghasilkan senario berikut:

- a. mensyaratkan jual beli dan *ijarah* dalam pemberian pinjaman (*leverage*). Platform mesti bertindak sebagai wakil dengan upah daripada pelanggan untuk menyelia akaun pelanggan, sewa laman sesawang dan urus niaga. Syarat-syarat ini telah menggabungkan akad pinjaman dan *mua'wadhab* secara serentak. Ini termasuk dalam larangan Nabi SAW: لا يحل سلف
دوبيع
- b. tidak berlaku *qabd syar'i* atas jumlah mata wang yang dipinjamkan kepada pedagang melalui kemudahan *leverage*. Di mana syarat-syarat *qabd* seperti *al-takhliyah*, *al-tamkin* atau *al-taslim* dalam urus niaga ini tidak terlaksana. Ini bererti pemilikan atas pinjaman tidak akan sempurna tanpa *qabd*,²⁷

27 Ulama berselisih pandangan dalam menentukan *qabd* dalam pinjaman. Ulama Maliki berpandangan: Peminjam dianggap pemilik atas bahan yang dipinjamkan sebaik sahaja akad dilafazkan sekalipun tidak berlaku proses serah terima (*al-qabd*).

dan

- c. *al-najash* (النجاش): Seseorang bertindak menawarkan harga barangan bukan untuk membelinya tetapi untuk meninggikan harga barangan tersebut kerana tawaran yang dilakukan boleh memudaratkan pembeli tetapi memberi keuntungan kepada penjual. Tindakan ini disepakati haram oleh para fuqaha'.²⁸

Realiti ini wujud dalam urus niaga *forex*, di mana para pedagang akan membuat tawaran bukan bertujuan untuk membeli dalam erti kata ingin memiliki tetapi mengharapkan harga mata wang tersebut meningkat atau menurun. Pergerakan harga mata wang ini bukan bersifat biasa tetapi terhasil dari tawaran-tawaran yang bersifat spekulatif. Akibatnya ialah mereka yang benar-benar ingin memiliki mata wang terbabit terpaksa menanggung kerugian kerana pergerakan mata wang yang terlalu cepat.

Bahan pinjaman tersebut telah dianggap sebagai harta miliknya tetapi hak milik sempurna hanya berkuatkuasa selepas proses serah terima (*al-qabd*). Pendapat ini telah *di'arjihkan* oleh Imam al-Syaukani dengan hujahnya bahawa kerelaan merupakan asas kepada pindah milik harta daripada seorang kepada seseorang yang lain.

Pendapat ulama Syafi'i pula terbahagi kepada dua: **Pendapat pertama** menyatakan perpindahan hak milik berkuatkuasa apabila selesai proses serah terima (*al-qabd*). **Pendapat kedua** menganggap ianya berlaku apabila peminjam mampu menggunakan bahan pinjaman mengikut kemahuannya atau disebut dengan istilah *tasarruf*. Imam al-Nawawi dan Imam al-Rafi'i lebih cenderung kepada pendapat yang pertama dalam menentukan hak milik peminjam atas bahan pinjaman. Abu Yusuf berpendapat *al-qard* tidak dimiliki dengan *al-qabd* tetapi perlunya peminjam menggunakan barangan yang dipinjam. Ulama' Hanbali berpendapat peminjam dianggap memiliki bahan pinjaman apabila melalui proses *al-qabd*.

Al-Dusuqi, *Hashbiah al-Dusuqi ala al-Sharh al-kabir*, jld.4, hlm. 366; al-Syaukani, *al-Sail al-Jarar*, jld. 3, hlm. 143; al-Nawawi, *Raudah al-Talibin*, jld. 3, hlm. 277; al-Rafi'i, *al-Aziz Sharh al-Wajiz*, jld.4, hlm. 434-436; al-Nawawi, *al-Majmu*, jil:12,hlm:257; al-Kasani, *Badai'u al-Sanai'u*, jld. 6, hlm. 520; Ibn. Abidin, *Rad al-Muhtar*, jld.7, hlm.388; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, jil:6: hlm. 431.

- 28 al-Mawardi *al-Hawi al-Kabir*, jld.5, hlm. 342-433; Ibn Hazm, *al-Muhalla Bil Athar*, jld.7, hlm.372.

Penulis bersetuju dengan pandangan yang mengharamkan *leverage* dalam urus niaga forex dengan *dhawabit fiqh* berikut:

- a. Tidak berlaku *qabd syar'i* dalam *leverage* yang diberikan oleh platform. Senario ini menghasilkan keadaan pedagang berurusniaga atas sesuatu yang tidak dimiliki yang dilarang oleh Rasul SAW.
- b. Mensyaratkan jual beli dan *ijarah* dalam pemberian pinjaman (*leverage*).
- c. Urus niaga ini menghasilkan *bay'* dan *salaf* yang ditegah oleh Rasulullah SAW.
- d. Wujud unsur «كل قرض جرى نفعاً فهو ربا» apabila pedagang disyaratkan berurus niaga melalui/dengan platform yang memberi kemudahan *leverage*.
- e. Urus niaga ini mempunyai unsur-unsur *al-ihthikar* dan *al-najash* yang mana kedua-duanya ditegah oleh Rasulullah SAW.
- f. Apakah tidak wujud unsur «كل قرض جرى نفعاً فهو ربا» apabila pedagang disyaratkan berurus niaga melalui/dengan platform yang memberi kemudahan *leverage*.
- g. Mudarat kepada masyarakat peniaga sebenar (*genuine entrepreneur*) yang benar-benar memerlukan tukaran wang asing. Ini kerana para pedagang *forex* yang menggunakan *leverage* ini umumnya berdagang untuk mendapatkan keuntungan melalui pergerakan turun naik harga. Perdagangan mata wang bukannya bertujuan untuk memiliki mata wang tersebut tetapi tindakan mereka hanya menjadikan harga mata wang asing tidak menentu.

RUJUKAN

Resolusi al-Majma' al-fiqh al-islami, Rabitah al-alam al-islami, Daurah ke 18, Mekkah al-Mukarramah, pada 12 April 2006.

Sahih al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, Sahih Muslim, bi syarh Imam al-Muhyiddin Abi Zakariya al-Nawawi, Dar al-Khaiyr, Beirut, Ed:1, 1414.

Resolusi Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali, Daurah :7, Jeddah 1412h. al-Ma'ayir al-Syar'iyyah lil Muasasaat al-Islamiyah 1428/2007, Bahrain.

Muhammad Uthman Syibir, al-Mutajarah bil hamisy wa al-ahkam al-muta'aliqah biha fi al-fiqh al-islami, kertas kerja yang dibentangkan di al-Majma' al-fiqh al-islami, Rabitah al-alam al-islami, Daurah ke 18, Makkah al-Mukarramah, pada 10-14 12 April 2006.

Sunan al-Tirmizi, Abu Isa Muhammad bin Isa bin Surah al-Tirmizi.

Muhammad Ali al-Qari, Kertas kerja: Tijarah al-hamisy, al-Majma' al-fiqh al-islami, Rabitah al-alam al-islami, Daurah ke 18, Mekkah al-Mukarramah, pada 12 April 2006.

Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din Abi Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah al-Maqdisi. Tahqiq: Abdullah Abdul Muhsin al-Turki & Abdul Fatah Muhammad al-Hulu. 1408H/1988M. *al-Mughni*. Kaherah: Hajar li al-Tiba'ah wa nashr wa tauzi' wa al-I'lam.

al-Muhalla bil athar, Ibn Hazm, Ali bin Ahmad bin Said, bin Hazm al-andalusi, tahqiq: Dr. Abdul Ghaffar Sulaiman al-Bandari, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut, t.t.

Al-Mawardi, Ali bin Muhammad bin Habib al-Mawardi al-Basri, 1414/1994, *al-Hawi al-Kabir fi fiqh mazhab al-Imam al-syafie*, tahqiq: Ali Muhammad Muawwad & Adil Ahmad Abdul al-Maujud, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut, Ed:1.

Al-Nawawi, Abi Zakaria Yahya bin Sharaf al-Nawawi. T.th. *Raudah al-Talibin*, Tahqiq: Ali Muhammad Muawwad & Adil Ahmad Abdul al-Maujud. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Al-Nawawi, Abi Zakaria Yahya bin Sharaf al-Nawawi. Takmilah: Muhammad Najib al-Muti'i. t.th. *al-Majmu' sharh al-muhazzab li shairazi*. Jeddah: Maktabah al-Irshad

Al-Kasani, Alaudin Abi Bakar bin Sa'ud. T.th. *Badai'u al-Sanai'u fi tartib shara'iq*. Tahqiq: Muhammad Adnan bin Yasin Darwish. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi & Muassasah al-Tarikh al-Arabi.

Al-Dusuqi, Muhammad bin Ahmad bin Arafah al-Dusuqi. 1417H/1996M. *Hashiah al-Dusuqi*, Takhrij: Muhammad Abdullah Shahin. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Ibn Abidin, Muhammad Amin. 1415H/1994M. *Rad al-Muhtar ala al-Dur al-Mukhtar sharh Tanwir al-Absar*, Tahqiq: Sheikh Adil Ahmad Abdul Maujud dan Ali Muhammad Mu'awwad. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Al-Shaukani, Muhammad Ibn Ali bin Muhammad al-Shaukani. Tahqiq: Mahmud Ibrahim Zaid. 1405H. *al-Sail al-Jarar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

The model code the international code of conduct for the financial markets Second Edition, The Financial Market Association, Paris.

Mark McRae, *Introduction to forex*, hlm. 3. dipetik dari www.surefireforex.com, 18 Mac 2009.

http://en.wikipedia.org/wiki/Forex#cite_note-EMF-2, 11 Mei 2009.

<http://encyclopedia.thefreedictionary.com/spot+rate>, 20 Mac 2009.

<http://wssfx.com/en/brokers.php>, 4 Jun 2009.

http://www.investopedia.com/articles/forex/07/forex_leverage.asp, 29 Mei 2009

<http://ezinearticles.com/?What-is-Leverage-in-Forex?&id=973524>, 29 Mei 2009.

<http://www.forextrading.com/articles/HowToTrade.aspx>, 2 Jun 2009.



(Footnotes)

- 1 Mark McRae, Introduction to forex, hlm. 3. Dipetik dari www.surefire-forex.com, 18 Mac 2009. *The Model Code The International Code of Conduct for the Financial Markets*, Second Edition, 2002, The Financial Market Association, Paris, hlm. 20 dan 22. http://en.wikipedia.org/wiki/Forex#cite_note-EMF-2, 11 Mei 2009.

